



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Jom Masuk UiTM Mukah 2023: Santai bersama Alumni Program Pra Diploma!

Penulis: Arif Azizi Che Harun dan Nur Nadia Qausar Juhari

MUKAH: UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah sekali lagi mengundang alumni-alumni tersohor yang telah berjaya menempa nama dan kerjaya dalam bidang akademik di UiTM sendiri bagi menjentik semangat motivasi serta memberi inspirasi kepada anak-anak muda lepasan SPM yang berkelayakan untuk memajukan permohonan dalam bidang-bidang pengajian yang ditawarkan di UiTM Cawangan Sarawak secara amnya, serta UiTM Kampus Mukah khususnya.

Program yang berdurasi secara dalam talian selama tiga jam itu telah mendapat tontonan capaian sebanyak 450, 747 dan telah dikongsikan sebanyak 77 perkongsian. Puan Nur Nadia Qausar binti Juhari selaku Koordinator Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Cawangan Sarawak memulakan program dengan sesi penerangan berkaitan UiTM secara umumnya. Falsafah, visi, dan misi diterangkan dengan jelas dimana UiTM sentiasa mensasarkan pengiktirafan sebagai salah sebuah universiti terbaik di dunia selain melahirkan anak-anak bangsa yang berjaya dalam pelbagai bidang.

Program diteruskan dengan penerangan penggunaan Aplikasi Selangkah ke UiTM. Cara-cara penggunaan aplikasi ditunjukkan secara langsung kepada para peserta. Promosi Program PPT diteruskan dengan penerangan jelas berkenaan dengan Program Pra Diploma Perdagangan, Pra Diploma Sains, Pra Diploma Agroteknologi, Pra Diploma STEM C dan Sastera, dan Pra Diploma Pengajian Islam. Syarat kemasukan, sesi penawaran program, tempat penawaran serta insentif pengajian turut ditekankan.

Ketua Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi Encik Muhamad Syukrie bin Hj. Abu Talip yang juga merupakan alumni program pra diploma turut bersama-sama mempromosikan UiTM Cawangan Sarawak (UiTM Kampus Samarahan, UiTM Kampus Samarahan 2, dan UiTM Kampus Mukah) serta program yang ditawarkan. Program Diploma Pengurusan Ladang, Diploma Pengeluaran Herba dan Diploma Akuakultur adalah antara program yang ditawarkan di UiTM Kampus Mukah.

Puan Carolin Ann Enchas, Ketua Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan yang juga merupakan alumni program pra diploma telah berkongsi maklumat berkenaan program diploma yang ditawarkan di bawah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Jelasnya, program sebegini perlu diadakan lebih kerap bagi memupuk kesedaran umum tentang kepentingan pendidikan. Pendidikan bukan sahaja mampu menjadi nilai tambah, malah boleh mengubah taraf sosioekonomi masyarakat.

